

15/06/1999

Istilah penentu sebagai senjata

KANGAR, Isnin - Umno disaran menggunakan istilah definitif untuk menggambarkan arah perjuangannya di samping sebagai senjata menangkis serangan pembangkang.

Bekas Naib Canselor Universiti Malaya, Syed Hussain Al Attas, berkata penggunaan istilah itu penting untuk melawan parti pembangkang yang menggunakan perkataan alternatif bagi menarik sokongan rakyat.

Katanya, definitif yang bermaksud penentu, relevan digunakan Umno, selain lebih meyakinkan berbanding istilah alternatif iaitu pilihan yang digunakan pembangkang.

"Istilah definitif atau penentu arah itu lebih berkesan, hebat dan tepat kerana arah perjuangan Umno jelas yang dibuktikan sejak ditubuhkan lebih 53 tahun lalu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ceramah di Konvensyen Umno Negeri Perlis di Dewan Kompleks Warisan, di sini, semalam.

Konvensyen itu dirasmikan Setiausaha Agung Umno, Tan Seri Mohd Khalil Yaakob. Turut hadir Ketua Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Seri Shahidan Kassim; Setiausaha Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Bahari Taib; Ketua Umno Bahagian Padang Besar, Datuk Azmi Khalid dan Ketua Umno Bahagian Kangar, Tan Sri Abdul Hamid Pawanteh.

Syed Hussain berkata, Umno sedang menghadapi perang fikiran dengan parti lawan yang menuduhnya tidak mengendahkan Islam, membiarkan rasuah serta tidak menjaga kepentingan rakyat.

Berikutan itu, katanya, Umno perlu mengawal fikiran dengan tidak membiarkan pembangkang menggunakan senjata itu untuk mempengaruhi rakyat.

"Jika kita (Umno) diam atau dibiarkan, mungkin rakyat akan terpengaruh dan menyokong lawan.

"Dulu mereka tidak guna istilah itu (alternatif), tapi kini menggunakannya di mana-mana. Jadi Umno juga perlu ada istilah iaitu definitif yang pernah digunakan Datuk Seri Dr Mahathir dalam bukunya Dilema Melayu," katanya.

Menurutnya, Umno perlu memikir cara terbaik menangkis serangan dilontar parti pembangkang lawan, termasuk tuduhan parti sekular.

(END)